



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

**PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2025
SEJARAH TINGKATAN 5**

Kertas 2

1249/2(PP)

Peraturan Pemarkahan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Soalan	Perincian	Markah
1(a)	Terangkan tentang perkara berikut :	
	(i) Peranan sultan dan pembesar dalam Hukum Kanun Melaka	
	F1 Peranan penting dalam pentadbiran	1
	F2 Arif dalam pelaksanaan undang-undang	1
	F3 Fasal 1, dijelaskan tugas sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari	1
	F4 Sultan bertanggungjawab melantik pembesar	1
	C4 Bendahara / Temenggong	1
	[mana-mana 2 x 1 m]	2 markah
	(ii) Peranan nakhoda dalam Undang-undang Laut Melaka.	
	F5 Berkuasa penuh	1
	F2 Ibarat raja dalam pelayaran	1
	F3 Semua pihak harus mematuhi arahan dan perintah nakhoda	1
	F4 Fasal 13.1, nakhoda diberi keutamaan untuk berniaga selama 4 hari	1
	F5 Fasal 13.3, nakhoda perlu bermesyuarat jika hendak singgah di tempat yang tidak ada dalam senarai persinggahan	1
	F6 Perlu dapatkan persetujuan semua orang di atas kapal	1
	[mana-mana 2 x 1 m]	2 markah
1(b)	Jelaskan kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman bunuh mengikut undang-undang di Melaka.	
	F1 Hukuman bunuh dalam aspek jenayah terkandung dalam Hukum Kanun Melaka, terdapat	1
	F2 Fasal 5.1 membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja / pembesar	1
	F3 Fasal 4 Sesiapa yang ingkar arahan sultan	1
	F4 Sesiapa yang memalsukan titah sultan.	1
	F5 Hukuman bunuh dalam aspek jenayah yang terkandung dalam Undang-undang Laut Melaka	1
	F6 Fasal 5, seseorang yang berkelakuan jahat diatas kapal	1
	F7 Seseorang yang membunuh orang di atas kapal	1
	F8 Hukuman bunuh dalam aspek pelayaran yang terkandung dalam Undang-undang Laut Melaka	1
	F9 Fasal 9. malim yang lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran/ kerosakan	1
	[mana-mana 2 x 1 m]	2 markah
1(c)	Mengapakah rakyat perlu mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di negara kita?	
	F1 Membentui keharmonian masyarakat	1
	F2 Memastikan hak rakyat dilindungi	1
	F3 Menjaga keamanan negara	1
	F4 Mengelakkan penyalahgunaan kuasa	1
	F5 Menanam sikap berdisiplin	1
	F6 Mencegah kegiatan jenayah	1
	F7 Menjamin keadilan kepada semua	1
	F8 Menyokong perkembangan ekonomi	1
	(Mana-mana jawapan berkaitan)	
	[mana-mana 4 x 1 m]	4 markah

Soalan	Perincian		Markah
2(a)	Namakan tokoh tempatan yang menganggotai kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu tahun 1955.		
	F1	Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	1
	F2	Dato' Abdul Razak Hussein	1
	F3	Dato' Sulaiman Dato' Abdul Rahman	1
	F4	Dr. Ismail Abdul Rahman	1
	F5	H.S Lee	1
	F6	Sardon Jubir	1
	F7	V. T Sambanthan	1
	F8	Leong Yew Koh	1
	F9	Ong Yoke Lin	1
	F10	Abdul Aziz Ishak	1
	[mana-mana 2x 1 m]		2 markah
2(b)	Jelaskan peranan utama kabinet pertama dalam usaha mencapai kemerdekaan		
	F1	Memastikan pentadbiran berjalan lancar	1
	F2	Membincangkan soal kewangan	1
	F3	Keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam	1
	F4	Menyambung sistem diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan/Model Westminster	1
	F5	Sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain	1
	F6	Mengurangkan kuasa pentadbiran British	1
	F7	Meminta kuasa Veto/hak atau kuasa penuh Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan	1
	F8	Membincangkan isu keselamatan dalam negeri/pertahanan	1
	F9	Tunku Abdul Rahman/Ketua Menteri	1
	F10	Menunaikan mandat mencapai kemerdekaan	1
	F11	Dato' Abdul Razak Hussein/Menteri Pelajaran	1
	F12	Membina bangsa yang bersatu melalui sistem pendidikan	1
	F13	V.V.T Sambanthan/Menteri Buruh	1
	F14	Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan	1
	F15	Mengurangkan pegawai Eropah dalam Malayan Civil Service (MCS)	1
	F16	Leong Yew Koh	1
	F17	Bertanggungjawab memenuhi manifesto Parti Perikatan	1
	F18	Meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan / kesihatan	1
	F19	Membangunkan negara melalui jawatan	1
	F20	Bekerjasama /berkongsi kuasa antara satu sama lain	1
	[mana-mana 4x 1 m]		4 markah
2(c)	Jelaskan kepentingan kabinet pertama kepada pembinaan sebuah negara bangsa yang berdaulat.		
	F1	Menjadi langkah awal ke arah kemerdekaan.	1
	F2	Memperlihatkan keupayaan orang tempatan mentadbir.	1
	F3	Meningkatkan pelibatan rakyat tempatan dalam sistem pentadbiran negara.	1
	F4	Memperkuh asas demokrasi berparlimen melalui wakil rakyat yang dipilih.	1
	F5	Menunjukkan kerjasama antara kaum.	1
	F6	Keanggotaan kabinet terdiri daripada pelbagai kaum.	1
	F7	Memberi pengalaman kepada pemimpin tempatan dalam hal ehwal pentadbiran sebelum merdeka.	1
	F8	Perkongsi kuasa antara satu sama lain	1
	(Mana-mana jawapan berkaitan)		
	[mana-mana 4 x 1 m]		4 markah

Soalan	Perincian		Markah
3	Amalan pilihan raya dan jaminan kebebasan asasi merupakan ciri Demokrasi Berparlimen.		
3(a)	Nyatakan amalan pilihan raya di negara kita.		
	F1	Elemen penting amalan demokrasi	1
	F2	Diadakan dalam tempoh lima tahun	1
	F3	Diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan	1
	F4	Kempen pilihan raya diadakan untuk rakyat mengenali calon	1
	F5	Rakyat memahami manifesto parti yang bertanding	1
	F6	Rakyat menyemak nama pada daftar pemilih sebelum mengundi.	1
	F7	Undian menggunakan prosedur yang telus / sistematik	1
	F8	Undi ialah rahsia	1
	F9	Bukti keabsahan kerajaan yang dipilih rakyat	1
	F10	Memberi mandat untuk membentuk kerajaan	1
	F11	Warganegara yang layak mengundi perlu menunaikan hak dan tanggungjawab	1
	F12	Memilih pemimpin berwibawa	1
		[mana-mana 2x 1 m]	2 markah
3(b)	Jelaskan bentuk kebebasan asasi yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.		
	F1	Hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang	1
	F2	Kebebasan diri	1
	F3	Tiada seorangpun boleh diambil nyawa / dilucutkan kebebasan dirinya	1
	F4	Kecuali mengikut undang-undang	1
	F5	Kebebasan beragama	1
	F6	Islam ialah agama Persekutuan	1
	F7	Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing	1
	F8	Hak berkenaan pendidikan	1
	F9	Tiada diskriminasi terhadap warganegara	1
	F10	Alasan agama/ras / keturunan/ tempat lahir	1
	F11	Kebebasan bersuara/ berhimpun/ berpersatuan	1
	F12	Setiap warganegara berhak bersuara	1
	F13	Berhimpun secara aman	1
	F14	Membentuk persatuan	1
	F15	Kebebasan media	1
	F16	Dikawal oleh Akta Hasutan 1948 / Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984	1
	F17	Kebebasan asasi tidak bersifat mutlak	1
	F18	Tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang	1
	F19	Memastikan ketenteraman / kesejahteraan awam	1
		[mana-mana 4x 1 m]	4 markah
3(c)	Mengapakah kebebasan asasi perlu dikawal oleh Perlembagaan Persekutuan?		
	F1	Mengelakkan sebar maklumat palsu	1
	F2	Supaya tidak menyentuh isu sensitiviti kaum / agama	1
	F3	Mewujudkan keamanan	1
	F4	Menstabilkan politik / pentadbiran	1
	F5	Melahirkan sebuah negara yang bertatasusila	1
	F6	Melindungi hak orang lain	1
	F7	Mencegah penyalahgunaan kebebasan	1
	F8	Melahirkan masyarakat madani	1
	F9	Menjaga keselamatan rakyat / negara	1
	F10	Menjaga nilai moral / ketertiban masyarakat	1
		[Mana-mana jawapan berkaitan]	
		[mana-mana 4 x 1 m]	4 markah

Soalan	Perincian		Markah
	Rukun Negara ialah ideologi negara dan menjadi falsafah hidup rakyat Malaysia		
4(a)	Nyatakan prinsip Rukun Negara.		
	F1	Kepercayaan kepada Tuhan	1
	F2	Kesetiaan kepada Raja dan negara	1
	F3	Keluhuran perlembagaan	1
	F4	Kedaulatan undang-undang	1
	F5	Kesopanan dan kesusilaan	1
		[mana-mana 2x 1 m]	2 markah
4(b)	Jelaskan matlamat pembentukan Rukun Negara.		
			1
	F1	Mencipta satu bangsa/ negara yang bersatu padu	1
	F2	Mempunyai kesetiaan / cinta akan negara	1
	F3	menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan/ kepercayaan	1
	F4	Melahirkan masyarakat demokratik	1
	F5	rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi perlembagaan.	1
	F6	Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi.	1
	F7	Menjamin kebebasan kegiatan berpolitik	1
	F8	asalkan tidak melanggar undang-undang negara.	1
	F9	Kepentingan negara hendaklah diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum	1
	F10	Mewujudkan Masyarakat liberal	1
	F11	bebas mengamalkan agama/ adat resam/ kebudayaan masing-masing	1
	F12	sesuai dengan kepentingan perpaduan negara.	1
	F13	menjadi sumber kekuatan kepada bangsa dan negara Malaysia.	1
	F14	Menegakkan satu masyarakat yang progresif	1
	F15	Mengikut kemajuan sains dan teknologi	1
	F16	mengamalkan nilai-nilai ketuhanan.	1
	F17	bergerak maju sejajar dengan perubahan dan kemajuan pada masa ini.	1
	F18	Mencipta satu masyarakat yang adil	1
	F19	mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara.	1
	F20	Pihak yang lemah/ berkurangan dibantu	1
	F21	mempunyai peluang yang sama untuk bersaing	1
	F22	bebas daripada penindasan	1
		[mana-mana 4x 1 m]	4 markah
4(c)	Baca maklumat di bawah Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat dan menjadi identiti rakyat Malaysia Sumber: https://www.bharian.com.my 9 Januari 2021 Beri ulasan anda.		

*Panduan penandaan 1. Soalan ini kata tugas ulasan 2. Menyalin keseluruhan teks tanpa perubahan: maksima 1 markah 3. Menyalin keseluruhan teks tetapi menambah penanda wacana: maksima 2 markah 4. Ulasan calon berkaitan isu dalam petikan dan huraian isu tersebut (isi tersirat: maksima 4 markah 5. Ulasan calon berkaitan isu dalam petikan tetapi tidak mengambil ayat dalam petikan: maksima 4 markah 6. Ulasan calon langsung tidak menyentuh isu dalam petikan: 0 markah *Isu dalam petikan bermaksud : i. Ayat calon diambil berdasarkan senarai isi yang diberi daripada petikan atau ii. Isi-isi yang relevan berkaitan dengan senarai isi yang diberi		
F1	Membentuk perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat	1
F2	landasan dalam membina keharmonian kaum	1
F3	Setiap masyarakat saling memahami / menghormati / bertoleransi dalam aspek keagamaan	1
F4	Raja merupakan simbol penyatuan rakyat berbilang kaum	1
F5	Setiap rakyat perlu sentiasa bersopan santun/ hormat-menghormati / berakhlak mulia.	1
F6	menjadi identiti rakyat Malaysia	1
F7	Perlembagaan Malaysia menetapkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan.	1
F8	Agama dan kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram	1
F9	Melahirkan rakyat yang menghormati simbol kedaulatan negara	1
F18	melahirkan rakyat yang berbangga dengan kedaulatan negara	1
	(Mana-mana jawapan yang berkaitan)	
	[mana-mana 4x 1 m]	4 markah

Soalan	Perincian		Markah
5(a)	Mengapakah persekutuan tersebut ditubuhkan?		
	F1	Penentangan Orang Melayu terhadap Malayan Union Orang Melayu	1
	F2	Raja-raja Melayu/ Cendekiawan Melayu/ UMNO berganding bahu membantah Malayan Union	1
	F3	Malayan Union memberi kesan buruk kepada Raja-raja Melayu / orang Melayu	1
	F4	Ahli Parlimen British, Gammans/ Rees William menyaksikan bantahan orang Melayu	1
	F5	Melaporkan hasil tinjauan tersebut kepada Dewan Parlimen British	1
	F6	Sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union, keadaan huru hara akan berlaku di Tanah Melayu	1
	F7	Persediaan untuk menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dijalankan melalui rundingan Raja- raja Melayu, UMNO dan British	1
	F8	Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO	1
	F9	Malcom MacDonald/ Gabenor Jeneral / Sir Edward Gent/Gabenor Malayan Union mengadakan pertemuan/ perbincangan dengan Raja-raja Melayu	1
	F10	Raja-raja Melayu mencadangkan penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan	1
	F11	Perjanjian baharu menggantikan Malayan Union	1
	F12	Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor	1
	F13	Raja berkuasa dalam perundangan	1
	F14	Perkataan “Negeri-negeri Melayu” perlu muncul dalam persekutuan yang baharu.	1
	F15	Sultan Perak menjelaskan kepada Sir Edward Gent agar mendesak British menerima usul	1
	F16	Gammans dan Rees Williams menyampaikan surat bantahan Sultan Perak kepada Parlimen British	1
	F17	Sokongan pentadbir British	1
	F18	Mewujudkan keamanan / kestabilan / kemajuan ekonomi	1
	F19	Sir Edward Gent / Malcolm MacDonald/ Sir Ralph Hone / Gammans / A.T. Newbolt/ Roland Braddell / W. Linehan / Theodore Adams	1
	F20	Sir Ralph Hone mencadangkan British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan	1
	F21	Kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri / Majlis Perundangan	1
	F22	British memberi peluang kepada Dato’ Onn Jaafar dan Raja raja Melayu mengemukakan cadangan balas	1
	F23	Mewujudkan kestabilan politik / mendorong pelabur luar melabur	1
	F24	Keperluan melaksanakan dasar dekolonisasi	1
		[mana-mana 6 x 1 m]	6 markah
5(b)	Jelaskan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.		
	F1	Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu	1
	F2	Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu	1
	F3	Majlis Raja-raja diwujudkan	1
	F4	Dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu	1
	F5	Keanggotaan terdiri daripada sembilan orang Raja Melayu	1
	F6	Pesuruhjaya Tinggi memastikan raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan	1
	F8	Menjaga/ Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu	1
	F9	Kepentingan sah kaum lain dijaga	1
	F10	Membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu	1
	F11	Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal	1

	F12	Diberikan kedudukan istimewa	1
	F13	Mewujudkan kerjasama kaum	1
	F14	Memupuk perpaduan	1
	F15	Penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC)	1
	F16	Cadangan CLC dimasukkan dalam usul perundangan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan	1
	F17	Memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum	1
	F18	Merintis pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957	1
	F19	Membawa kemerdekaan	1
		[mana-mana 8 x 1 m]	8 markah
5(c)	Baca petikan berikut. Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan. Pada peringkat awal, ia adalah pemersekutuan sembilan Kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan. Kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah Tanah Melayu, Islam sebagai undang-undang watan (law of the land), hak orang Melayu sebagai bangsa asal Tanah Melayu, bahasa Melayu yang sekian lama bertaraf Nusantara dan amalan adat Melayu adalah unsur watan atau warisan, berakar umbi dan adalah jati diri Tanah Melayu sejak Kesultanan Melayu Melaka. Semua unsur watan di atas dijelaskan Perjanjian Negeri 1948, seterusnya dipelihara dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 sebagai jati diri bangsa. Selain daripada peruntukan Perlembagaan yang merakamkan unsur watan dalam bentuk perlembagaan bertulis bersifat moden, peruntukan lain adalah persetujuan Raja-Raja Melayu selepas menerima kehendak British untuk memperkenalkan sistem demokrasi berparlimen, serta rundingan dengan Perikatan yang mewakili rakyat dan pandangan pelbagai pihak. Perlu dinyatakan, kepentingan sah kaum lain sebagai warganegara juga diakui selepas ia dirundingkan atas perkenan Raja-Raja Melayu. Atas premis di atas maka rakyat British diterima menjadi warga Persekutuan Tanah Melayu. Sumber diubah suai : https://www.bharian.com.my 21 Oktober 2017 Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kebaikan sistem Persekutuan yang diamalkan di negara kita.		
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Panduan Penandaan 1. Calon menyalin maklumat bulat-bulat -maksimum 2 markah 2. Calon menyalin dan tambah penanda wacana -maksima 2 markah 3. Calon menyatakan maklumat sahaja - maksima 4 markah		7-8

4. Calon menyatakan kebaikan sahaja - maksima 4 markah 5. Jawapan calon mesti mempunyai maklumat dan kebaikan - 8 markah		
	Contoh	
	Maklumat :	
~	Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan.	1
~	Pada peringkat awal, ia adalah pemersekutuan sembilan Kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan.	1
~	Kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah Tanah Melayu	1
~	Islam sebagai undang-undang watan (law of the land),	1
~	Hak orang Melayu sebagai bangsa asal Tanah Melayu	1
~	Bahasa Melayu yang sekian lama bertaraf Nusantara	1
~	Amalan adat Melayu adalah unsur watan atau warisan,	1
~	Semua unsur watan di atas dijelaskan Perjanjian Negeri 1948, seterusnya dipelihara dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 sebagai jati diri bangsa	1
~	Peruntukan lain adalah persetujuan Raja-Raja Melayu selepas menerima kehendak British untuk memperkenalkan sistem demokrasi berparlimen, serta rundingan dengan Perikatan yang mewakili rakyat dan pandangan pelbagai pihak	1
~	kepentingan sah kaum lain sebagai warganegara juga diakui selepas ia dirundingkan atas perkenan Raja-Raja Melayu	1
~	Rakyat British diterima menjadi warga Persekutuan Tanah Melayu.	1
	Kebaikan Sistem Persekutuan	1
~	Kuasa dibahagikan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1
~	Setiap pihak mempunyai bidang kuasa yang tersendiri	1
~	Pentadbiran dapat dijalankan dengan lebih cekap	1
~	Keselamatan negara menjadi lebih kukuh	1
~	Kebajikan rakyat terpelihara	1
Aras 3		5-6
Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik		
	Contoh	
	Maklumat :	
~	Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan.	1
~	Pada peringkat awal, ia adalah pemersekutuan sembilan Kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan.	1
~	Kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah Tanah Melayu	1
	Kebaikan Sistem Persekutuan	
~	Kuasa dibahagikan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1

	~	Setiap pihak mempunyai bidang kuasa yang tersendiri	1
	~	Pentadbiran dapat dijalankan dengan lebih cekap	1
	Aras 2		3-4
		Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	
		Contoh	
		Maklumat :	
	~	Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan.	1
	~	Pada peringkat awal, ia adalah pemersekutuan sembilan Kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan.	1
		Kebaikan Sistem Persekutuan	
	~	Kuasa dibahagikan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1
	~	Setiap pihak mempunyai bidang kuasa yang tersendiri	1
	Aras 1		1-2
		Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara mudah	
		Contoh	
		Maklumat :	
	~	Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan.	1
		Kebaikan Sistem Persekutuan	
	~	Kuasa dibahagikan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1

Soalan	Perincian		Markah
6(a)	Terangkan Terma Rujukan yang digunakan oleh suruhanjaya tersebut dalam melaksanakan peranannya		
	F1	Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu.	1
	F2	Mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu.	1
	F3	Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal/ bebas / berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel	1
	F4	Berdasarkan Demokrasi Berparlimen	1
	F5	Dua Dewan Perundangan	1
	F6	Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat	1
	F7	Kerajaan negeri mempunyai autonomi tertentu	1
	F8	Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan	1
	F9	Jawatan bagi ketua negara/ Yang di-Pertuan Besar /Yang di-Pertuan Agong	1
	F10	Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu.	1
	F11	Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.	1
		[mana-mana 4x 1 m]	4 markah
6(b)	Jelaskan intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.		
	F1	Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen	1
	F2	Pemilihan Yang diPertuan Agong yang dilantik dalam kalangan Raja-raja Melayu	1
	F3	Setiap lima tahun sekali	1
	F4	Tidak boleh dibicarakan di dalam mana-mana mahkamah	1
	F5	Diikuti oleh Raja Pemaistri Agong	1
	F6	Yang diPertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan menulis surat kepada Majlis Raja-raja.	1
	F7	Baginda juga boleh dipecat oleh Majlis Raja-raja	1
	F8	Kewarganegaraan	1
	F9	Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka	1
	F10	Diberikan melalui tiga cara	1
	F11	Penguatkuasaan undang-undang	1
	F12	Memohon didaftarkan sebagai rakyat	1
	F13	Memohon menukar kewarganegaraan /naturalisasi	1
	F14	Mereka yang lahir di luar Persekutuan Tanah Melayu selepas hari merdeka tetapi bapanya lahir atau bekerja dengan Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri	1
	F15	Mereka yang lahir di luar Persekutuan Tanah Melayu tetapi bapanya merupakan warganegara.	1
	F16	Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain	1
	F17	Rakyat keturunan Melayu diberi keistimewaan kerana mengambil kira status sebagai rakyat asal	1
	F18	Hak masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi	1
	F19	Keistimewaan tersebut termasuklah jawatan dalam kerajaan/ biasiswa/ elaun/ pelajaran/ latihan /lesen perusahaan/ lesen perniagaan .	1
	F20	Kedudukan Agama Islam	1
	F21	Sebagai agama Persekutuan	1
	F22	Agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai	1
	F23	Tidak boleh dipaksa membayar apa-apa cukai untuk agama lain selain agamanya	1
	F24	Boleh menguruskan/ menubuh dan menjaga pertubuhan agama/ menubuhkan rumah ibadat/memperoleh dan memiliki harta/ mentadbir harta mengikut undang-undang.	1
		[mana-mana 8 x 1 m]	8 markah

6(c)	Teliti petikan berikut. Terdapat beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang dalam implementasinya mencerminkan kepelbagaian dan kepentingan kaum di negara ini. Antara peruntukan yang menggambarkan kepelbagaian kaum ialah Perkara 8. Perlembagaan Persekutuan iaitu semua individu adalah sama dari segi layanan dan tindakan undang-undang dan ia menjurus kepada kepelbagaian hak serta kaum. Tidak kira Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Orang Ulu atau Dayak, semuanya sama dari segi tindakan undang-undang di bawah Perkara 8. Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan turut memperuntukkan tentang hak-hak istimewa orang Melayu dan kepentingan penduduk Orang Asli mana-mana negeri, Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah komuniti lain. Justeru, tidak tepat sekiranya terdapat mana-mana pihak menyatakan bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai kepentingan untuk kepelbagaian kaum. Sumber diubahsuai: https://www.bernama.com 6 Julai 2023
Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.	
Aras 4	7-8
Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Panduan Penandaan 1. Salin bulat-bulat- maksimum 2 markah 2. Salin dan tambah penanda wacana-maksimum 4 markah 3. Hanya memberi maklumat petikan -maksimum 4 markah 4. Hanya membuat ulasan tanpa maklumat- maksimum 4 markah 5. Memberi maklumat dan ulasan- maksimum 8 markah	
	Contoh
~	Perlembagaan Persekutuan mencerminkan kepelbagaian dan kepentingan kaum di negara ini,
~	Peruntukan dalam Perkara 8 yang menggambarkan kepelbagaian kaum
~	semua individu adalah sama dari segi layanan dan tindakan undang-undang
~	menjurus kepada kepelbagaian hak serta kaum.
~	Tidak kira Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Orang Ulu atau Dayak, semuanya sama
~	memperuntukkan tentang hak-hak istimewa orang Melayu/ kepentingan penduduk Orang Asli mana-mana negeri/Sabah/ Sarawak serta kepentingan sah komuniti lain
~	Mana-mana pihak tidak boleh mempertikaikan kandungan perlembagaan
~	Yang boleh mencetuskan isu perkauman
~	Peristiwa 13 mei 1969
~	Menggugat perpaduan kaum di negara kita
~	Menjejaskan keharmonian kaum
~	Mengancam keamanan negara

	Aras 3		5-6
	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik		
		Contoh	
	~	<i>Perlembagaan Persekutuan mencerminkan kepelbagaian dan kepentingan kaum di negara ini,</i>	
	~	<i>Peruntukan dalam Perkara 8 yang menggambarkan kepelbagaian kaum</i>	
	~	<i>semua individu adalah sama dari segi layanan dan tindakan undang-undang</i>	
	~	<i>Mana-mana pihak tidak boleh mempertikaikan kandungan perlembagaan</i>	
	~	<i>Yang boleh mencetuskan isu perkauman</i>	
	~	<i>Menggugat perpaduan kaum di negara kita</i>	
	Aras 2		3-4
	Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas		
		Contoh	
	~	<i>Perlembagaan Persekutuan mencerminkan kepelbagaian dan kepentingan kaum di negara ini,</i>	
	~	<i>Peruntukan dalam Perkara 8 yang menggambarkan kepelbagaian kaum</i>	
	~	<i>Mana-mana pihak tidak boleh mempertikaikan kandungan perlembagaan</i>	
	~	<i>Yang boleh mencetuskan isu perkauman</i>	
	Aras 1		1-2
	Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara mudah		
		Contoh	
	~	<i>Perlembagaan Persekutuan mencerminkan kepelbagaian dan kepentingan kaum di negara ini,</i>	
	~	<i>Mana-mana pihak tidak boleh mempertikaikan kandungan perlembagaan</i>	



Soalan	Perincian	Markah
7(a)	Jelaskan kerjasama dari aspek berikut; (i) Pembangunan sosioekonomi.	
F1	Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi untuk memberikan bantuan kewangan / kepakaran	1
F2	Kerajaan Negeri menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan	1
F3	Pembangunan Tanah	1
F4	Pembukaan tanah baharu	1
F5	Kerajaan Persekutuan menubuhkan Federal Land Development Authority (FELDA) / Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan pada tahun 1956.	1
F6	Mengurus / menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri	1
F7	Penubuhan Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA) / Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan pada tahun 1966	1
F8	Menyatukan/ memulihkan / membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara.	1
F9	Pembangunan <i>In-Situ</i>	1
F10	Menekankan pembangunan fizikal desa	1
F11	Penyediaan kemudahan asas/ rumah rakyat / pusat pertumbuhan ekonomi	1
F12	Pembangunan Wilayah	1
F13	Berdasarkan pembangunan kawasan	1
F14	Kerajaan Persekutuan membuka kawasan lebih luas di beberapa buah negeri	1
F15	Membangunkan wilayah baharu.	1
F16	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)/ Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)/ Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)/ Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)/ Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)/ Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).	1
F17	Menubuhkan agensi pembangunan di Sarawak / Sabah	1
F18	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS)/ Lembaga Penyatuan Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA)/ Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB)	1
F19	Pembangunan Koridor Wilayah	1
F20	Berlandaskan projek pembangunan	1
F21	Perancangan strategik jangka panjang	1
F22	Menumpukan pembangunan di negeri / wilayah yang kurang pesat	1
F23	Mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri/ wilayah	1
F24	Rancangan Pembangunan Iskandar atau South Johor Economic Region (SJER)/ Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER)/ Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau East Coast Economic Region (ECER)/ Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)/ Koridor Pembangunan Sabah atau Sabah Development Corridor (SDC).	1
F25	Meliputi Selatan Johor/ Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Utara Perak/ Pahang, Terengganu, Kelantan, Daerah Mersing, Johor/ Wilayah Tengah Sarawak/ seluruh	1
	[mana-mana 6 x 1 m]	6 markah
7(a)	Jelaskan kerjasama dari aspek berikut; (ii) Penyediaan perumahan rakyat.	
F1	Kuasa bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	1
F2	Memastikan rakyat memiliki rumah sendiri	1
F3	Perumahan Awal Kemerdekaan	1
F4	Menyediakan perumahan kos rendah	1
F5	Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada tahun 1964	1
F6	Kerajaan Negeri menyediakan tanah yang dijual pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan	1

	F7	Pembinaan perumahan di Petaling Jaya, Selangor	1
	F8	Perumahan untuk mengatasi masalah kemiskinan	1
	F9	Untuk rakyat berpendapatan rendah	1
	F10	Menyelesaikan masalah kekurangan rumah	1
	F11	Kerajaan Persekutuan melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR)	1
	F12	Kerajaan Negeri menubuhkan agensi pembangunan negeri	1
	F13	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) / Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak	1
	F14	Memperkenalkan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	1
	F15	Peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.	1
	F16	Flat Jalan Pekeliling di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur	1
	F17	Rumah Mampu Milik	1
	F18	Majlis Perumahan Negara ditubuhkan	1
	F19	Membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah	1
	F20	Menubuhkan pelbagai agensi / Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1
	F21	Program peringkat Persekutuan ialah Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA)/ Rumah Mesra Rakyat di bawah	1
	F22	Program peringkat negeri ialah Rumah Selangorku (Selangor)/ Rumah Mampu Milik Johor (Johor)	1
		[mana-mana 6 x 1 m]	6 markah
7 (b)	Huraikan mesej yang terkandung dalam lagu tersebut dan cadangkan Langkah-langkah untuk memelihara alam sekitar.		
	Aras 4		7-8
	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan		
	Panduan Penandaan 1. Salin bulat-bulat- 0 markah 2. Salin dan tambah penanda wacana-maksimum 0 markah 3. Hanya memberi mesej daripada lirik lagu-maksimum 4 markah 4. Hanya memberi langkah- maksimum 4 markah 5. Memberi mesej dan langkah- maksimum 8 markah		
	Contoh		
	Mesej		
	~ Kita hendaklah memelihara hutan (rimba)		
	~ Bumi yang kehilangan hutan akan lemah / tidak berdaya (hamba)		
	~ Hilang kekuatan		
	~ Bumi telah dicemari oleh manusia		
	~ Yang tidak berilmu pengetahuan / tidak peduli		
	~ Mencemari bumi sambil ketawa/ tiada kesedaran akan kesannya		
	~ Udara bersih penting untuk kehidupan		
	~ Tanpa udara bersih, bumi mati/ (tiada nyawa)		
	~ Bumi tidak berfungsi kepada kehidupan		
	~ Kehidupan bergantung sepenuhnya pada kualiti udara		
	~ Jika pencemaran / kerosakan terus berlaku		
	~ Perlahan-lahan bumi akan rosak / musnah		
	~ Tanpa disedari oleh manusia yang leka		
	~ hanya menyedarinya apabila sudah terlambat		

	Langkah untuk memelihara alam sekitar	
~	Masyarakat perlu kurangkan penggunaan plastik	
~	Menggunakan beg kitar semula	
~	Jimatkan penggunaan elektrik	
~	Menutup suis apabila tidak digunakan	
~	Mengguna air secara berhemah	
~	Amalkan 3R (Reduce, Reuse, Recycle)	
~	Mengurangkan pembaziran / menggunakan semula barangan	
~	Asingkan sampah untuk dikitar semula	
~	Gotong-royong membersihkan kawasan bersama komuniti	
~	Kawasan bersih dan selamat	
~	Kempen kesedaran	
~	Ceramah, poster dan media sosial	
~	Mendidik masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar.	
~	Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar	
~	Akta Kualiti Alam Sekeliling 2024 (Akta A1717)	
~	Mengenakan hukuman kepada pencemar alam	
~	Meningkatkan penguatkuasaan.	
~	Kerajaan perlu menyokong teknologi hijau	
~	Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui	
~	solar dan angin	
	Aras 3	5-6
	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik	
	Contoh	
	Mesej	
~	Bumi yang kehilangan hutan	
~	Akan hilang kekuatan	
~	Bumi telah dicemari oleh manusia	
~	Yang tidak berilmu pengetahuan (jahil)	
~	Tanpa udara bersih, bumi mati/ (tiada nyawa)	
~	Bumi tidak berfungsi kepada kehidupan	
	bumi akan rosak / musnah	
	Tanpa disedari oleh manusia	
	Langkah untuk memelihara alam sekitar	
	Menggunakan beg kitar semula	
	Jimatkan penggunaan elektrik	
	Mengguna air secara berhemah	
	Amalkan 3R (Reduce, Reuse, Recycle)	
	Asingkan sampah untuk dikitar semula	
	Gotong-royong membersihkan kawasan bersama komuniti	
	Aras 2	3-4
	Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	
	Contoh	
	Mesej	
~	Bumi yang tiada hutan	

	~	<i>Bumi akan lemah</i>	
	~	<i>Bumi dicemari oleh manusia</i>	
	~	<i>Yang tidak berilmu sambil ketawa</i>	
		Langkah untuk memelihara alam sekitar	
	~	<i>Tidak membuang sampah merata-rata</i>	
	~	<i>Amalkan 3R (Reduce, Reuse, Recycle)</i>	
	~	<i>Asingkan sampah untuk dikitar semula</i>	
	~	<i>Gotong-royong membersihkan kawasan bersama komuniti</i>	
		Aras 1	1-2
		Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara mudah	
		Contoh	
		Mesej	
	~	<i>Bumi yang tiada hutan</i>	
	~	<i>Bumi dicemari oleh manusia</i>	
		Langkah untuk memelihara alam sekitar	
	~	<i>Tidak membuang sampah merata-rata</i>	
	~	<i>Amalkan 3R (Reduce, Reuse, Recycle)</i>	

Soalan	Perincian		Markah
	Peristiwa rusuhan kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga		
8(a)	Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum di nagara kita.		
	F1	Kesan daripada ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial di negara kita.	1
	F2	Keadaan / keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969 merupakan sebab utama tercetusnya peristiwa ini.	1
	F3	Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya.	1
	F4	Terdapat parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum semasa berkempen	1
	F5	PKM mengambil kesempatan semasa pilihan raya	1
	F6	PKM mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum.	1
	F7	Parti yang bertanding telah berkempen menggunakan sentimen perkauman / keagamaan	1
	F8	Mendapat sokongan daripada pengundi.	1
	F9	Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal	1
	F10	Menimbulkan kekacauan /perbuatan provokatif	1
		[mana-mana 4 x 1 m]	4 markah
8(b)	Bagaimanakah kerajaan bertindak mengawal rusuhan tersebut?		
	F1	Darurat	1
	F2	Disyitiaran oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 ke seluruh negara	1
	F3	Perlembagaan digantung	1
	F4	Parlimen ditangguh	1
	F5	Mewujudkan pusat perlindungan di beberapa tempat	1
	F6	Menguatkuasakan perintah berkurung	1
	F7	Orang ramai tidak dibenarkan keluar /dikehendaki tinggal di kediaman masing-masing	1
	F8	Penubuhan jawatankuasa bertugas	1
	F9	Menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan.	1
	F10	Semua berita daripada pihak media ditapis bagi memastikan kesahihannya.	1
	F11	Makanan dibekalkan kepada penduduk di pusat perlindungan	1
	F12	Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan di Stadium Merdeka /Tiong Nam Settlement.	1
	F13	Memagar kawasan Kampung Baru	1
	F14	Menjadikannya kawasan perintah berkurung yang besar.	1
	F15	Memberikan perlindungan kepada penduduk di beberapa kem tentera	1
	F16	Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)	1
	F17	Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong /Dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak Hussein	1
	F18	Ahlinya terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam/ pegawai tinggi polis/ tentera.	1
	F19	Diberi kuasa memerintah semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971	1
	F20	Bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara.	1
			1

	F21	Menyelesaikan masalah perpaduan kaum	1
	F22	Menyelesaikan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum.	1
	F23	Mengembalikan keamanan dan undang-undang.	1
	F24	Menentukan pentadbiran yang licin dalam negara.	1
	F25	Mengembalikan keharmonian / kepercayaan antara kaum dalam negara.	1
	F26	Menggantung sementara penerbitan semua akhbar	1
	F27	Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948	1
	F28	Jabatan Penerangan menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaan.	1
	F29	Peranan Raja	1
	F30	Sultan Perak, Sultan Idris Iskandar Shah II, menasihati rakyat agar menjaga keamanan.	1
	F31	Pemimpin masyarakat dan politik negeri Perak menubuhkan Jawatankuasa Muhibah.	1
	F32	Menulis surat merayu penduduk agar bertenang / membantu negara mengekalkan keamanan.	1
	F33	Di negeri-negeri lain, raja turut meminta rakyat agar bertenang / mematuhi undang-undang.	1
		[mana-mana 8 x 1 m]	8 markah
8(c)	Berdasarkan gambar tersebut, beri mesej anda kepada generasi muda kini agar masyarakat kekal harmoni.		
	Aras 4		7-8
	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan		
		Contoh	
		Mesej	
	~	<i>Keganasan menyebabkan kemusnahan</i>	
	~	<i>Kematian menyebabkan kesedihan yang berpanjangan</i>	
	~	<i>Rakyat kehilangan tempat tinggal</i>	
	~	<i>Tidak perlu menyentuh isu sensitif</i>	
	~	<i>Tidak melakukan provokasi</i>	
	~	<i>Tidak melakukan keganasan / merosakkan harta benda</i>	
	~	<i>Menghayati rukun negara</i>	
	~	<i>Setia kepada raja dan negara</i>	
	~	<i>Mematuhi undang-undang negara</i>	
	~	<i>Mengekalkan perpaduan kaum</i>	
	~	<i>Menghormati kepelbagaian kaum/agama/budaya</i>	
		[mana-mana jawapan yang berkaitan]	
	Aras 3		5-6
	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai		

	Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik	
	Contoh	
	Mesej	
~	<i>Keganasan menyebabkan kemusnahan</i>	
~	<i>Kematian menyebabkan kesedihan yang berpanjangan</i>	
~	<i>Rakyat kehilangan tempat tinggal</i>	
~	<i>Tidak perlu menyentuh isu sensitif</i>	
~	<i>Tidak melakukan provokasi</i>	
	[mana-mana jawapan yang berkaitan]	
	Aras 2	3-4
	Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	
	Contoh	
	Mesej	
~	<i>Keganasan menyebabkan kemusnahan</i>	
~	<i>Kematian menyebabkan kesedihan yang berpanjangan</i>	
~	<i>Rakyat kehilangan tempat tinggal</i>	
~	<i>Tidak perlu menyentuh isu sensitif</i>	
	[mana-mana jawapan yang berkaitan]	
	Aras 1	1-2
	Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara mudah	
	Contoh	
	Mesej	
~	<i>Keganasan menyebabkan kemusnahan</i>	
~	<i>Kematian menyebabkan kesedihan yang berpanjangan</i>	
	[mana-mana jawapan yang berkaitan]	

Soalan	Perincian		Markah
9(a)	Apakah peranan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM).		
	F1	Kehadiran Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie di Sidang Kemuncak di Dar es Salam, Tanzania pada bulan April 1970	1
	F2	Menyuarakan pandangan tentang pelbagai isu melibatkan negara anggota NAM	1
	F3	Menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM kali ke 13 pada tahun 2003	1
	F4	Menyentuh isu Palestin	1
	F5	Mengeluarkan Deklarasi Kuala Lumpur NAM	1
	F6	Membantah serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq	1
	F7	Menganggap sebagai pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil	1
	F8	Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003-2006	1
	F9	Berusaha meningkatkan tahap kemajuan / pembangunan anggota NAM	1
	F10	Bekerjasama menjadi organisasi yang dihormati	1
	F11	Lantang menyuarakan isu pencerobohan terhadap hak asasi manusia /negara lain	1
	F12	Menyuarakan sikap terhadap isu Aparteid	1
	F13	Bersetuju tekanan politik / ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan	1
	F14	Membangkitkan isu Bosnia dan Herzegovina yang ditekan oleh Serbia	1
	F15	Berjaya bersama negara anggota menggantung keahlian Yugoslavia dari NAM	1
	F16	Menerima sejumlah pelarian Bosnia dan Herzegovina	1
	F17	Melaksanakan dasar keamanan dan berkecuali	1
	F18	Meminta rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali	1
	F19	Kuasa besar perlu mengakuinya	1
	F20	China/ Rusia/ Amerika Syarikat	1
	F21	Tidak campur tangan/ memberi tekanan kepada negara rantau Asia Tenggara	1
	F22	Menandatangani Perisytiharan Lusaka	1
	F23	Mendesak pengharaman senjata nuklear	1
	[mana-mana 6 x 1 m]		6 markah
9(b)	Jelaskan pelibatan Malaysia dalam OIC.		
	F1	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dilantik sebagai Setiausaha Agung Pertama	1
	F2	Mengukuhkan OIC	1
	F3	Memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia mendapat pembelaan sewajarnya	1
	F4	Menyuarakan diwujudkan sebuah pertubuhan Islam	1
	F5	Menjaga kepentingan Islam di seluruh dunia	1
	F6	Menjadi tuan rumah Persidangan Pertama Kongres Islam Sedunia Rantau Asia Tenggara	1
	F7	Menjadi tuan rumah Persidangan Islam Antarabangsa	1
	F8	Agenda persidangan ini membawa kepada tertubuhnya OIC	1
	F9	Tun Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai pengerusi OIC	1
	F10	Mengetengahkan nilai kesederhanaan/ menolak keganasan	1
	F11	Menolak tohmahan terhadap masyarakat Islam	1
	F12	Sering dikaitkan dengan keganasan/ kemiskinan/ kemunduran	1
	F13	Pembiayaan pelajaran / kebajikan	1
	F14	Pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	1
	F15	Memberi biasiswa kepada pelajar dari negara OIC	1
	F16	Menangani isu politik negara Islam	1
	F17	Palestin/ Afghanistan/ perang Iran Iraq	1
	F18	Menjadi perantara menyelesaikan konflik Iran-Iraq	1
	F19	Sepasukan 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB	1

F20	Menyokong perjuangan rakyat Palestin dan Palestine Liberation Organization (PLO) – Pertubuhan Pembebasan Palestin	1
F21	Menjadi tuan rumah bagi Persidangan Kecerantauan Asia berkaitan Palestin di Kuala Lumpur	1
F22	Menyokong hak rakyat Palestin menentukan nasib sendiri	1
F23	Hak mempunyai negara yang merdeka	1
F24	Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Regim Kabul	1
F25	Membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur	1
F26	Membangunkan ekonomi negara anggota OIC	1
F27	Menyokong aktiviti Development Bank – IsDB (Bank Pembangunan Islam)	1
F28	Menyertai IsDB pada tahun 1974	1
	[mana-mana 8 x 1 m]	8 markah

9(c) Pelibatan Malaysia di peringkat serantau membolehkan negara kita menjadi anggota ASEAN yang memberikan manfaat dalam ekonomi, sosial dan politik.



Jelaskan maklumat yang terkandung dalam infografik di atas dan bagaimanakah penubuhan ASEAN telah membantu negara-negara anggotanya menghadapi cabaran globalisasi?

Aras 4

7-8

Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas
Bukti / contoh sangat sesuai
Membuat inferens yang tepat
Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci
Komunikasi / pengolahan sangat menarik
Menunjukkan kematangan

Panduan Penandaan

1. Calon menyalin maklumat bulat-bulat -maksimum 2 markah
2. Calon menyalin dan tambah penanda wacana -maksima 2 markah
3. Calon menyatakan maklumat sahaja - maksima 4 markah
4. Calon menyatakan kebaikan sahaja - maksima 4 markah
5. Jawapan calon mesti mempunyai maklumat dan kebaikan - 8 markah

	Contoh	
	Maklumat	
~	ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok Thailand	
~	menggalakkan kerjasama politik dan ekonomi serta kestabilan serantau	
~	Deklarasi ASEAN ditandatangani oleh negara-negara pengasas ASEAN	

	~	Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura	
	~	Kemudian disertai oleh Brunei (1984)/, Laos (1997)/ Vietnam (1995) / Myanmar(1997)/ Kemboja(1999)	
		Cara	
	~	Mewujudkan pasaran yang lebih luas melalui ASEAN Free Trade Area (AFTA).	
	~	Meningkatkan daya saing melalui perkongsian teknologi dan inovasi.	
	~	Menyediakan platform kerjasama pendidikan dan tenaga kerja.	
	~	Menyuarakan pendirian serantau dalam isu global	
		Perubahan iklim dan keselamatan.	
	~	Memperkukuh identiti serantau agar tidak mudah dipengaruhi oleh kuasa global.	
	Aras 3		5-6
	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik		
		Contoh	
		Maklumat	
	~	ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok Thailand	
	~	menggalakkan Kerjasama politik dan ekonomi serta kestabilan serantau	
	~	Deklarasi ASEAN ditandatangani oleh negara-negara pengasas ASEAN	
		Cara	
	~	Mewujudkan pasaran yang lebih luas melalui ASEAN Free Trade Area (AFTA).	
	~	Meningkatkan daya saing melalui perkongsian teknologi dan inovasi.	
	~	Menyediakan platform kerjasama pendidikan dan tenaga kerja.	
	Aras 2		3-4
	Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas		
		Contoh	
		Maklumat	
	~	ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok Thailand	
	~	menggalakkan Kerjasama politik dan ekonomi serta kestabilan serantau	
		Cara	
	~	Meningkatkan daya saing melalui perkongsian teknologi dan inovasi.	
	~	Menyediakan platform kerjasama pendidikan dan tenaga kerja.	
	Aras 1		1-2
	Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara mudah		
		Contoh	
		Maklumat	
	~	ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok Thailand	
	~	Menyediakan platform kerjasama pendidikan dan tenaga kerja.	

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT